



*Sambutan  
Maulidur Rasul*

PERINGKAT NEGERI 1441H / 2019M

*Negara Rahmah  
Ummah Sejahtera*

9 NOVEMBER 2019 (SABTU)

BERSAMAAN

12 RABI' AL-AUWAL 1441H

PADANG MAJLIS  
PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



*Sambutan  
Maulidur Rasul*

PERINGKAT NEGERI 1441H / 2019M

*Negara Rahmah  
Ummah Sejahtera*

9 NOVEMBER 2019 (SABTU)  
BERSAMAAN

12 RABI' AL-AUWAL 1441H

PADANG MAJLIS  
PERBANDARAN SEREMBAN


JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**PRAKATA**  
**MUFTI KERAJAAN NEGERI**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Sambutan Maulid al-Rasul diadakan adalah sebagai tanda kasih umat Islam terhadap pemimpin agung yang merupakan manusia istimewa pilihan Allah. Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w adalah rahmat bagi sekalian alam dan membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan manusia di muka bumi ini. Dengan memiliki keperibadian unggul Baginda berjaya melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan Allah kepadanya. Selain itu, kehidupan Nabi Muhammad s.a.w mengandungi pengajaran dan contoh teladan yang baik. Jika diikuti, maka kehidupan manusia seluruhnya akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Moga-moga dengan menghidupkan contoh teladan daripada Baginda s.a.w, kita akan menzahirkan **“NEGARA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA”** sebagaimana yang diharapkan daripada tema sambutan Maulid al-Rasul bagi tahun ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan menyediakan risalah khas



ini untuk dibaca oleh umat Islam Negeri Sembilan khususnya. Semoga sambutan Maulid al-Rasul ini mendatangkan keberkatan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan risalah ini.

Sekian.



**DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD**  
Mufti Kerajaan Negeri,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

## ATUR CARA

**Tarikh : 9 November 2019 (Sabtu) / 12 Rabi' al-Auwal 1441H**

**Tempat : Padang Majlis Perbandaran Seremban**

- 7.00 pagi : Ketibaan dif-dif kehormat dan para jemputan
- 7.30 pagi : Ketibaan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan YABhg. Datin Seri
- : Ketibaan YAM Dato' Shahbandar Sungei Ujong dan YM Cik Puan
- 7.40 pagi : Ketibaan YTM Tunku Besar Tampin dan YM Tunku Isteri, YTM Undang Yang Empat dan YM Tok Puan-Tok Puan
- 8.15 pagi : Keberangkatan tiba DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus diiringi YAM Tunku Besar Seri Menanti
- : Lagu Kebesaran Negeri Sembilan
- : Bacaan Doa oleh YB Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan
- : Ucapan YAB Dato' Seri Hj. Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan
- : Titah Perasmian Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus 1441H/2019M
- : Selawat beramai-ramai (Dipimpin oleh Qasidah Jemputan)
- : Perarakan dimulakan
- 11.00 pagi : Perarakan selesai

## **ACARA DI DEWAN SANTAPAN**

- : Ketibaan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan YABhg. Datin Seri
- : Ketibaan YAM Dato' Shahbandar Sungei Ujong dan YM Cik Puan
- : Ketibaan YTM Tunku Besar Tampin dan YM Tunku Isteri, YTM Undang Yang Empat dan YM Tok Puan-Tok Puan
- : Keberangkatan tiba DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus diiringi YAM Tunku Besar Seri Menanti
- : Lagu Kebesaran Negeri Sembilan
- : Santapan tengah hari
- : Keberangkatan balik DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus diiringi YAM Tunku Besar Seri Menanti
- : YTM Undang Yang Empat dan YM Tok Puan-Tok Puan serta YTM Tunku Besar Tampin dan YM Tunku Isteri meninggalkan majlis
- : YAM Dato' Shahbandar Sungei Ujong dan YM Cik Puan meninggalkan majlis
- : YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan YABhg. Datin Seri meninggalkan majlis
- 12.30 : Majlis Bersurai  
t/hari

صَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

يَا نَبِيَّ سَلَامٌ عَلَيْكَ

يَا رَسُولَ سَلَامٍ عَلَيْكَ

يَا حَبِيبُ سَلَامٌ عَلَيْكَ

صَلَوَاتُ اللهِ عَلَيْكَ

أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا

فَاخْتَفَتَ مِنْهُ الْبُدُورُ

مِثْلَ حُسْنِكَ مَا رَأَيْنَا

قَطُّ يَا وَجْهَ الشُّرُورِ

أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ

أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ نُورٍ

أَنْتَ إِكْسِيرٌ وَعَالِي

أَنْتَ مِصْبَاحُ الصُّدُورِ

يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدَ

يَا عَرُوسَ الْخَافِقِينَ

يَا مُؤَيَّدُ يَا مُجَدِّدَ

يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ

مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ

يَا كَرِيمَ الْوَالِدَيْنِ

حَوْضِكَ الصَّافِي الْمُبَرَّدِ

وَرَدُّنَا يَوْمَ النُّشُورِ

مَا رَأَيْنَا الْعَيْسَ حَتَّى

بِالسَّرِيِّ إِلَّا إِلَيْكَ

وَالْعِمَامَةَ قَدْ أَظَلَّتْ

وَالْمَلَآءَ صَلُّوا عَلَيْكَ

عَالِمِ السِّرِّ وَأَخْفَى

مُسْتَجِيبِ الدَّعَوَاتِ

رَبِّ إِرْحَمْنَا جَمِيعًا

بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ

وَصَلَاةُ اللهِ عَلَى أَحْمَدَ

عَدَّ تَحْرِيرَ السُّطُورِ

أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدَ

صَاحِبِ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ

## **BAGAIMANA MENGASIHI RASULULLAH S.A.W**

Adalah dimaklumi oleh setiap Muslim bahawa manusia yang paling tinggi kasihnya kepada Allah ialah Rasulullah s.a.w. Oleh itu, tidak sempurna keimanan seseorang itu melainkan terlebih dahulu dia hendaklah mengasihi Rasulullah s.a.w. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadith,

رواه أنس بن مالك رضي الله عنه: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

Yang bermaksud, *Diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a bahawa Nabi s.a.w bersabda: Tidak sempurna keimanan seseorang itu melainkan aku lebih dikasihinya daripada ibu bapanya, anak-anaknya dan semua manusia.*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Dalam hadith yang lain,



وروي أنس رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم: ثَلَاثَةٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ... أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا.

Yang bermaksud, *Anas r.a* meriwayatkan daripada *Nabi s.a.w* bersabda: Sesiapa yang memiliki tiga perkara nescaya mereka akan merasai kemanisan iman (antaranya ialah) ...dia mengasihi Allah dan Rasul-Nya melebihi kasihnya daripada yang lain.

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Apabila seseorang Muslim dapat merasakan kemanisan iman maka mengalirlah di dalam hatinya rasa kasih kepada Allah dan Rasul. Limpahan rasa kasih ini bagaikan anak kunci yang membuka pintu khazanah kekayaan peribadi seseorang itu. Oleh itu, lahirlah sifat redha, penyerahan diri, patuh, mencontohi, berkorban, berperanan serta berlumba-lumba melaksanakan pelbagai kebaikan di samping menyingkirkan perbuatan yang menyalahi Rasulullah s.a.w. Hal ini dinyatakan di dalam hadith,

عن أنس رضي الله عنه قال: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى  
الله عليه وسلم فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ! مَتَى السَّاعَةُ؟ فَقَالَ  
صلى الله عليه وسلم: مَا أَعَدَدْتُ لَهَا؟ فَقَالَ: يَا رَسُولَ  
اللهِ مَا أَعَدَدْتُ لَهَا كَثِيرَ صِيَامٍ وَلَا صَدَقَةٍ، إِلَّا أَنِّي أَحَبُّ  
اللهَ وَرَسُولَهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ  
وسلم: أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحَبَبْتَ.

Yang bermaksud, *Daripada Anas r.a berkata: Seorang lelaki datang menemui Nabi s.a.w seraya bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w! Bilakah berlakunya Kiamat? Jawab Nabi s.a.w: Apakah persediaan kamu untuk menghadapinya?. Lelaki itu berkata: Persediaanku untuknya daripada puasa dan sedekah tidaklah sebanyak mana tetapi aku mengasihi Allah dan Rasul-Nya s.a.w. Jawab Rasulullah s.a.w: Kamu akan bersama dengan siapa yang engkau kasihi.*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Dalam riwayat yang lain menyebut,

الْمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبَّ.

Yang bermaksud, Seseorang itu akan tetap bersama dengan siapa dia kasih.

Anas r.a berkata: *Tiada kegembiraan yang paling bererti buat kami melainkan setelah Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya kamu akan bersama-sama dengan orang yang kamu kasih.*

Anas r.a juga berkata: *Oleh itu, aku mengasih Rasulullah s.a.w, Abu Bakar r.a, dan Umar r.a. Jadi, aku berharap aku akan dapat bersama-sama mereka nanti dengan sebab mengasih mereka itu walaupun amalanku tidak sebanyak amalan mereka.*

Dalam riwayat yang lain menyebut: *Apabila kamu dapat bersama-sama mereka, itu sudah memadai.*

*(Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi)*

## 1. Memuliakan Nabi s.a.w.

Allah swt memerintahkan orang Islam supaya memuliakan Nabi s.a.w. Hal ini ditegaskan di dalam firman-Nya,

لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ

Yang bermaksud, ...*(kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan rasul-Nya dan supaya kamu kuatkan agama-Nya serta memuliakannya ...*

*(al-Fath : 9)*

Firman Allah lagi,

فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ ۖ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ

Yang bermaksud, *Maka orang-orang yang beriman kepadanya dan memuliakannya juga menolongnya.*

*(al-A'raf : 157)*

Perkataan ( *تُعَزِّرُوهُ* ) di dalam ayat tersebut bermaksud: Hendaklah kamu memulia, mengagong serta meninggikan Rasulullah s.a.w.

Pendapat yang lain pula bermaksud: Menolongnya dan menjadikannya pemimpin.

Firman Allah,

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ  
بَعْضًا

Yang bermaksud, *Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah s.a.w di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu.*

(al-Nur : 63)

Begitu juga halnya, kita tidak dibenarkan menyebut: 'Wahai Muhammad' atau 'Wahai Abu Qasim', tetapi sebutlah dengan panggilan 'Wahai Rasulullah s.a.w' atau 'Wahai Nabi Allah'.

Firman Allah,

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ  
وَرَسُولِهِ

Yang bermaksud, *Janganlah kamu memandaimandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan rasul-Nya.*

(al-Hujurat :1)

Firman Allah,

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ

النَّبِيِّ

Yang bermaksud, *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi.*

(al-Hujurat : 2)

Iman al-Baihaqi berkata: *Kedudukan serta kemuliaan yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w ini melebihi maqam Mahabbah. Hal ini adalah kerana bukan semua yang dikasihi itu ditakzamkan dia, seperti kasih bapa kepada anak-anak atau kasih tuan kepada hambanya. Berlainan pula keadaannya dengan kasih anak kepada ayah atau kasih hamba kepada tuannya, hakikat kasihnya bersulam dengan sifat takzim. Demi umurku, siapakah lagi, orang yang paling layak untuk kita*

muliakan dengan penuh takzim dalam kalangan hamba-Nya selain daripada Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w adalah pemberi syafa'at dan penolong kita (di Akhirat kelak).

Hakikat ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadith,

قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَا أَوَّلُ مَنْ يَشْفَعُ فِي الْجَنَّةِ،  
وَأَنَا أَكْثَرُ الْأَنْبِيَاءِ تَبَعًا.

Yang bermaksud: *Sabda s.a.w: Aku adalah orang yang pertama pemberi syafa'at di syurga dan aku jualah yang pemilik pengikut yang paling ramai di kalangan para nabi.*

(*Riwayat Muslim*)

Hadith yang lain,

قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَا أَوَّلُ مَنْ يَأْخُذُ بِحَلْقَةِ بَابِ  
الْجَنَّةِ فَأُفْعَقُهَا.

Yang bermaksud, *Sabda s.a.w: Aku adalah orang yang pertama mengambil serta memegang besi pemegang pintu syurga seraya menggerakkannya.*

(*Riwayat Ahmad*)

Hadith yang lain,

أَنَا سَيِّدٌ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَأَوَّلُ مَنْ يَنْشَقُّ عَنْهُ الْقَبْرُ،  
وَأَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشَفِّعٍ.

Yang bermaksud, *Aku adalah ketua kepada anak Adam pada hari Kiamat dan orang yang pertama dibangkitkan daripada kubur dan orang pertama yang memiliki dan pemberi syafa'at.*

*(Riwayat Ahmad dalam Musnadnya)*

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَا فَرَطُكُمْ عَلَى الْحَوْضِ.

Yang bermaksud, *Sabda s.a.w: Aku mendahului kamu (menyediakan untuk kamu) di akhirat kediaman dan minuman.*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Dalam riwayat yang lain,

أَنَا فَرَطُكُمْ عَلَى الْحَوْضِ، فَلَأُنْزَعَنَّ أَقْوَامًا نُمُّ لَأُغْلَبَنَّ  
عَلَيْهِمْ، فَأَقُولُ: يَا رَبِّ أَصْحَابِي أَصْحَابِي، فَيَقُولُ: إِنَّكَ  
لَا تَدْرِي مَا أَحَدْتُوا بَعْدَكَ.



Yang bermaksud, *Aku mendahului menyediakan untuk kamu kediaman dan minuman dan aku akan bertembung dengan golongan-golongan manusia, lantas aku akan mengalahkan mereka seraya berkata: Wahai Tuhan! Sahabatku, sahabatku! Lalu Allah menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w tentang sahabat Baginda s.a.w, Allah berfirman: Sesungguhnya kamu tidak mengetahui apakah yang telah mereka lakukan selepasmu.*

*(Riwayat Ahmad dalam Musnadnya)*

Hadith tersebut memberi ancaman supaya jangan menyalahi tuntutan agar menjadikan Nabi s.a.w sebagai idola dan teladan serta jangan digantinya dengan yang lain.

Imam Ahmad berkata: *Aku meneliti di dalam al-Quran lantas aku dapati perintah Allah supaya mentaati Rasulullah s.a.w diulang sebanyak 33 kali. Kemudian Imam Ahmad membaca ayat,*

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ

*Yang bermaksud: Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa fitnah (bala' bencana) atau ditimpa azab siksa yang tidak terperi sakitnya.*


*(al-Nur : 63)*

Imam Ahmad mengulang-ulang perkata 'fitnah' di dalam ayat tersebut serta mendalami maksudnya lantas beliau berkata: *Maksud fitnah di dalam ayat tersebut ialah syirik!*. Hal ini bermaksud, sesiapa yang ingkar serta menolak perintah rasul, dikhuatiri hati mereka akan disesatkan lantas mereka akan binasa. Allah berfirman,

وَيَوْمَ يَعَضُّ الظَّالِمُ عَلَى يَدَيْهِ يَقُولُ يَلِيَّتَنِي أَخَذْتُ  
مَعَ الرَّسُولِ سَبِيلًا

*Yang bermaksud, Dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan diri sendiri) sambil berkata: Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul.*

*(al-Furqan : 27)*



Generasi para sahabat adalah golongan yang sangat memahami tuntutan mentaati Rasulullah s.a.w sebagai qudwah atau ikutan. Begitu juga, mereka sangat mengerti apakah kesan daripada perbuatan menyanggahi perintah Rasulullah s.a.w. Oleh itu, para sahabat r.a juga adalah generasi yang sangat berhati-hati di dalam soal ini serta menjauhi apa jua maksud yang membawa erti menyanggahi perintah Rasulullah s.a.w.

Hal yang berkaitan dengan maksud memenuhi tuntutan mentaati perintah Rasulullah s.a.w ini pernah ditanya kepada Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a, lantas beliau menjawab: *Aku sedikitpun tidak meninggalkan amalan yang pernah aku lihat Rasulullah s.a.w melakukannya. Hal ini adalah kerana aku berasa bimbang apabila meninggalkannya aku akan disesatkan serta terpesong.*

Hafsah r.ah berkata kepada ayahnya Saiyidina Umar al-Khattab r.a: *Apakah salahnya jika ayah memakai pakaian serta memakan makanan yang lebih baik daripada yang ada ini? Padahal Allah telah melimpahkan rezeki serta kebaikan-Nya yang melimpah-ruah.*

*Lantas Umar menjawab: Aku sangat tidak menyenangi apa yang tersemat di dalam kata-kata yang lahir dari hatimu itu. Tidakkah kamu ingat bagaimana dengan keadaan hidup Rasulullah s.a.w serba-serbi kekurangan lagi susah?. Begitu juga halnya dengan kehidupan Abu Bakar al-Siddiq r.a!. Umar al-Khattab r.a mengulang-ulangi kata-kata itu sehingga membuatkan Hafsa r.ah menangis. Lantas Umar berkata: Demi Allah! Aku akan menjalani kehidupan ini seperti mana yang dilalui oleh Rasulullah s.a.w dan Abu Bakar al-Siddiq r.a yang penuh dengan kesusahan. Semoga dengan itu aku akan dapat hidup kebahagiaan bersama mereka di syurga.*

Suatu ketika Said bin Musaiyab melihat seorang lelaki solat dua rakaat selepas Asar. Selepas itu lelaki tersebut bertanya kepadanya: *Wahai Abu Muhammad! Adakah aku akan diazabkan oleh Allah sebab melakukan solat itu? Jawab Said bin Musaiyab: Tidak, tetapi kamu akan diazab oleh Allah kerana perbuatan kamu yang menyalahi sunnah Rasulullah s.a.w.*

## **2. Mencontohi Rasulullah s.a.w Sebagai Tanda Kasih**

Allah swt menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai qudwah serta ikutan yang wajib dipatuhi oleh

orang-orang Islam. Hal ini ditegaskan oleh Allah di dalam firman-Nya,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ  
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud, *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah s.a.w itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang-orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari Akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah sebanyak-banyak (dalam masa susah dan senang)*

(al-Ahzab : 21)

Maksud mencontohi Rasulullah s.a.w sebagai ikutan di dalam ayat tersebut termasuk menuruti sunnah serta tidak menyalahinya. Hal ini dinyatakan oleh Allah swt dalam al-Quran,

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ  
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ﴿٢٢﴾

Yang bermaksud, *Katakanlah (Wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah swt maka ikutilah daku, nescaya Allah swt mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu.*

(Ali Imran : 31)

Imam al-Qurtubi berkata: *Kasih Allah kepada hamba ialah dengan melimpahi mereka dengan nikmat berupa keampunan, seperti firman-Nya,*

فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir.*

(Ali Imran : 32)

Ayat ini juga menjelaskan bahawa Allah tidak akan mengampunkan mereka. Oleh itu, al-Imam Sahl bin Abdullah al-Tustari berkata: *Tanda kasih kepada Allah ialah dengan mengasihi al-Quran. Tanda kasih kepada al-Quran ialah dengan mengasihi Nabi s.a.w. Tanda kasih kepada Nabi s.a.w ialah dengan mengasihi al-Sunnah. Tanda kasih kepada al-Sunnah ialah dengan mengasihi Akhirat. Tanda kasih kepada Akhirat ialah dengan jiwanya. Tanda kasih kepada jiwanya ialah benci kepada dunia. Tanda benci kepada dunia ialah dengan menggunakan nikmat dunia sekadar bekalan untuk hidup serta tidak melampaui batas.*

Di samping itu, Rasulullah s.a.w berpesan di dalam hadithnya,

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَقْتَدَى بِي فَهُوَ مِنِّي،  
وَمَنْ رَغِبَ عَن سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي.

Yang bermaksud, *Sabda s.a.w: Sesiapa yang mencontohiku mereka adalah daripada umatku. Oleh itu, sesiapa yang menolak sunnahku mereka bukan umatku.*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

### **3. Selawat Ke Atas Nabi s.a.w.**

Antara tanda-tanda kasih dan tanda-tanda wasilah kepada Rasulullah s.a.w ialah dengan memperbanyakkan selawat dan salam ke atasnya. Adalah tidak layak bagi seseorang muslim mendakwa dia kasih kepada Rasulullah s.a.w serta tidak layak untuk mendapat darjat ihsan kepada Rasulullah s.a.w sekiranya mereka lalai dan mengambil ringan persoalan berselawat ke atas Nabi s.a.w ini. Walaupun selawat sekadar sebutan lisan tetapi kelebihanannya memberatkan timbangan amal soleh. Allah swt telah menetapkan di dalam a-Quran supaya kita berselawat ke atas Nabi s.a.w di dalam firman-Nya,

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Yang bermaksud, Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada nabi (Muhammad s.a.w), wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

(Surah al-Ahzab-56)

Para ulama' memahami daripada ayat tersebut bahawa hukum berselawat ke atas Nabi s.a.w adalah wajib dan fardhu. Mereka cuma berselisih pendapat tentang bilakah waktu dan keadaannya yang diwajibkan berselawat itu. Sebahagian berpendapat, adalah wajib berselawat setiap kali disebut nama Nabi s.a.w. Sebahagiannya pula berpendapat hanya wajib sekali berselawat di dalam sesuatu majlis. Yang lain pula berpendapat, wajib berselawat paling kurang sekali seumur hidup, sedangkan pendapat yang terbaik ialah sepanjang waktu jika mampu.

Pendapat yang mengatakan wajib berselawat kepada Nabi s.a.w setiap kali



mendengar nama Baginda s.a.w disebut ialah berdasarkan hadith,

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: رَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ ذُكِرْتُ عَنْدهُ  
فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ.

Yang bermaksud, *Sabda s.a.w: Sama ada disukai atau tidak oleh seseorang apabila namaku disebut kenapa dia tidak mahu berselawat kepadaku.*

(Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Hibban)

Imam al-Syaukani berkata: *Dalam hadith yang telah lalu, menjelaskan hukum wajib berselawat ke atas Nabi s.a.w ketika nama Baginda disebut. Hal ini adalah kerana orang yang tidak berselawat ketika itu, dia dalam keadaan hina. Oleh itu, adalah wajib berselawat bagi sesiapa yang mendengar nama Nabi s.a.w disebut.*

Pengertian selawat dan salam ialah; selawat daripada Allah kepada hamba-Nya rahmat, keredhaan, kemuliaan, pujian serta ketinggian. Selawat para malaikat kepada Nabi s.a.w pula bererti memohon keampunan, doa serta rahmat. Selawat umat Muhammad pula bererti doa serta mentakzirkan segala perintah Nabi s.a.w.

‘Iz bin Abdul Salam berkata: *Kita berselawat kepada Nabi s.a.w bukanlah bermaksud untuk memberi syafa’at kepada Baginda s.a.w kerana kita tidak layak berbuat demikian. Tetapi Allah swt memerintahkan kita supaya membalas budi orang yang berbuat baik kepada kita. Kelebihan selawat serta faedahnya akan kembali kepada orang yang berselawat itu.*

Adapun maksud salam kepada Nabi s.a.w menurut satu pendapat ialah al-Salam, satu daripada nama-nama Allah. Oleh itu, apabila menyebut al-Salam, bererti Allahlah yang akan menjaga serta memelihara keselamatan orang itu. Yang lain pula berpendapat, al-Salam ialah penyerahan serta patuh kepada perintah rasul-Nya dan patuh kepada menurut sunnahnya.

Antara kelebihan berselawat ke atas Nabi s.a.w ialah mempertingkatkan keimanan serta membersihkan hati dan jiwa. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi s.a.w di dalam hadith,

قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَلُّوا عَلَيَّ، فَإِنَّهَا زَكَاةٌ لَكُمْ.

Yang bermaksud, *Sabda s.a.w: Berselawatlah kamu ke atasku kerana selawat itu mensucikan kamu.*

(Riwayat Imam Ahmad)

Selawat juga menjadi sebab untuk mendapat keampunan Allah terhadap dosa-dosa yang dilakukan kepada-Nya, mengikis sifat bimbang dan dukacita. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadith,

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَكْثَرُ الصَّلَاةِ عَلَيْكَ فَكَمْ أَجْعَلُ لَكَ مِنْ صَلَاتِي؟ فَقَالَ : مَا شِئْتَ . قَالَ فُلْتُ الرُّبْعَ؟ قَالَ : مَا شِئْتَ فَإِنْ زِدْتَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ . قُلْتُ النِّصْفَ؟ قَالَ : مَا شِئْتَ فَإِنْ زِدْتَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ . قُلْتُ أَجْعَلُ لَكَ صَلَاتِي كُلَّهَا ؟ قَالَ : إِذَا تَكْفَى هَمَّكَ وَيَغْفِرَ لَكَ ذَنْبُكَ .

Yang bermaksud, Daripada Ubai bin Ka'ab r.a berkata: Wahai Rasulullah s.a.w! Aku telah memperbanyakkan selawat ke atasmu. Berapa banyakkah yang sepatutnya aku berselawat untukmu?. Jawab Baginda s.a.w: Sekehendak hati kamu. Aku berkata: Jika seperempat daripada hidup ini? . Jawab Baginda s.a.w: Terpujanglah kepadamu, sekiranya lebih banyak daripada itu adalah lebih baik untukmu. Aku berkata lagi: Kalau separuh hidupku?. Jawab Nabi s.a.w: Terpujanglah kepadamu, sekiranya lebih banyak daripada itu adalah lebih baik untukmu. Aku berkata lagi: Sekiranya setiap waktu aku gunakan

*untuk berselawat kepadamu?. Jawab Nabi s.a.w: Kalau begitu memadai untuk menutup segala kebimbanganmu serta diampun dosa-dosamu.*

(Riwayat Ahmad dan al-Nasaie)

Selawat juga penyebab untuk mendapat syafa'at Nabi s.a.w pada hari Kiamat. Hal ini berdasarkan hadith,

قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: *أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً.*

*Yang bermaksud, Sabda s.a.w: Orang yang utama mendapat syafa'atku pada hari Kiamat ialah mereka yang paling banyak berselawat kepadaku.*

(Riwayat al-Tirmizi)



**JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**